



DR MAHATHIR dan Dr Siti Hasmah bersama Suhailah (kiri) dan Rahah (kanan) pada majlis perjumpaan anggota keluarga bekas Perdana Menteri di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya, semalam. – Gambar oleh Ramdzan Masiam

Anggota keluarga bekas PM berkumpul

BH - 26/3/2009 ÷ 2

PUTRAJAYA: Kira-kira 50 anggota keluarga empat bekas Perdana Menteri hadir pada majlis perjumpaan yang diadakan di Yayasan Kepimpinan Perdana, di sini, semalam.

Perjumpaan yang dihadiri bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, bertujuan memberi penerangan fungsi yaysan berkenaan kepada keluarga berkenaan.

Dr Mahathir adalah Penasihat Kehormat yaysan berkenaan.

Hadir sama balu Allahyarham Tun Hussein

Onn, Tun Suhailah Mohd Noah dan balu Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, Tun Rahah Mohd Noah.

Beberapa anggota keluarga Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, turut hadir pada majlis yang julung kali diadakan itu.

Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Tun Abdul Razak, Tan Sri Aishah Ghani, turut hadir.

Yaysan Kepimpinan Perdana adalah sumber lengkap dokumentasi maklumat mengenai tokoh yang pernah bergelar Perdana Menteri Malaysia.